



**MAKLUMAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
PUTRAJAYA**



**OPERASI DAN PERKHIDMATAN
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM) DALAM TEMPOH LANJUTAN
PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Ekoran daripada pelaksanaan PKP telah menyebabkan aktiviti perniagaan dan pengilangan tidak dapat dijalankan seperti biasa, JKDM telah memutuskan supaya penalti ke atas pembayaran bagi tempoh PKP adalah diremit sepenuhnya sekiranya pembayaran dibuat selewat-lewatnya pada **30 Jun 2020**.

Selain daripada itu bagi kesalahan lewat mengemukakan penyata bagi tempoh bercukai terlibat, tiada tindakan undang-undang akan diambil oleh JKDM keatas kesalahan tersebut.

Remisi penalti diberi melibatkan cukai/ levi seperti berikut:

1. Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan melalui Penyata SST-02
2. Cukai Perkhidmatan diimport melalui Borang SST-02A
3. Cukai Pelancongan melalui Penyata TTx-03
4. Levi Pelepasan melalui Penyata DL-02

Keputusan ini khusus untuk tempoh bercukai yang berakhir seperti berikut:

Tempoh bercukai berakhir	Tarikh Akhir Mengemukakan penyata dan Pembayaran Cukai	Pembayaran diterima sehingga 30 Jun 2020
29 Februari 2020	31 Mac 2020	Penalti diremit sepenuhnya
31 Mac 2020	30 April 2020	Penalti diremit sepenuhnya
30 April 2020	31 Mei 2020	Penalti diremit sepenuhnya

Pembayaran melalui medium atas talian (online) atau perkhidmatan pos adalah digalakkan.

Sekian, terima kasih.

###

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
TARIKH: 29 Mei 2020**